

KENYATAAN MEDIA

UiTM TIDAK HALAU PELAJAR

Universiti Teknologi MARA (UiTM) amat prihatin dengan kekeliruan dan kesulitan yang dihadapi pelajar susulan penangguhan pendaftaran secara fizikal yang dikuatkuasa hari ini.

Naib Canselor, Prof. Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim menjelaskan dijelaskan bahawa kekeliruan yang berlaku adalah disebabkan salah faham berikutan sumber yang tidak tepat diperolehi para pelajar.

“UiTM sebenarnya telahpun mengeluarkan pekeliling yang bersangkutan untuk menangani arahan penangguhan pendaftaran para pelajar. Pekeliling Naib Canselor Bil. 24/2020 yang dikeluarkan hari ini jelas menyatakan bahawa penangguhan ini dibuat semata-mata untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pelajar tetap terpelihara,” katanya.

Menurut beliau, meskipun penangguhan pendaftaran secara fizikal dikuatkuasakan, ini tidak bermakna para pelajar yang mendaftar akan dihalau malah, para pelajar diberi pilihan sama ada untuk pulang atau tinggal di kolej.

“Jadi, saya tegas menafikan kenyataan yang mengatakan bahawa kita menghalau para pelajar seperti yang didakwa. Malahan, kita mendekati para pelajar yang telah mendaftar lebih awal untuk membantu mereka susulan arahan penangguhan ini,” kata Mohd Azraai.

Namun begitu, beliau menambah ekoran daripada aduan dan rungutan para pelajar yang tular dalam media sosial, pihak universiti akan menjalankan siasatan terperinci untuk memastikan bahawa ia tidak berlaku.

“UiTM tidak akan mengambil mudah dengan sebarang isu yang dibangkitkan kerana dalam suasana semasa, kita amat memahami sebarang kemungkinan, kesulitan dan kekeliruan yang timbul,” jelas beliau.

Sehubungan itu, beliau menyeru para pelajar yang berhadapan dengan apa-apa masalah seperti yang telah berada di kampus, yang ingin pulang dan tidak pasti apa yang hendak dibuat, segeralah berhubung dengan bilik gerakan di kampus masing-masing untuk mendapat bantuan yang sewajarnya.

Menyentuh isu yang dikatakan bahawa UiTM tidak menanggung segala kos sepanjang penginapan para pelajar sekiranya PKP berlaku, kenyataan tersebut bukan kenyataan rasmi UiTM.

Jabatan Komunikasi
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

2 OKTOBER 2020